

## Sertailah Anggota KOPERKASA Sekarang!

Hubungi kami di:

### IBU PEJABAT

No. 16 – 20, Wisma Koperkasa,  
Jalan Simpang Tiga,  
93300 Kuching, Sarawak  
Tel : 082-424596      Fax : 082-421278  
Emel : general@koperkasa..com.my  
Website : www.koperkasa.com.my

### PEJABAT CAWANGAN

<b>MIRI</b>	<b>SIBU</b>
Lot 2488 , Tingkat 2, Jalan Boulevard Centre, 98000 Miri, Sarawak 085-410644 (T) 085-417644 (F)	No. 84 Tingkat 1, Lorong Pahlawan 74A, Jalan Pahlawan, 96000 Sibu, Sarawak 084-210445 (T) 084-210439 (F)
<b>SRI AMAN</b>	<b>SARIKEI</b>
Blok 3 STD, Jalan Hospital, 95000 Sri Aman, Sarawak 083-320487 (T) 083-320227 (F)	No. 18 Lot 1585 Blok 3448 Jalan Wisma Jubli, 96100 Sarikei, Sarawak 084-656673 (T) 084-658279 (F)
<b>BINTULU</b>	<b>LIMBANG</b>
No. 173, Lot 3459 (Phase II), Parkcity Commercial Centre, Jln. Tun Ahmad Zaidi, 97000 Bintulu, Sarawak. 086-338199 (T) 086-332198 (F)	No. 2070, Tingkat 1, Ricketts Commercial Centre, Jalan Tarap, 98700 Limbang, Sarawak. 085-216825 (T) 085-216542 (F)

**ANDA BOLEH Whatsapp**  
**Bahagian PROMOSI di**



**013-8032151**

2022

Koperkasa

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

"Kesetiaan Anggota, Keteguhan Koperasi"



## KENALILAH KOPERKASA

### Sejarah Penubuhan

Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad ataupun ringkasnya "KOPERKASA" adalah sebuah pertubuhan koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 pada 6 September 1949. KOPERKASA kini mempunyai 6 rangkaian cawangan di seluruh Negeri Sarawak.

### Prinsip-prinsip Koperasi

- ♦ Keanggotaan Sukarela dan Terbuka
- ♦ Kawalan Secara Demokratik Oleh Anggota
- ♦ Penglibatan Anggota Dalam Kegiatan Ekonomi
- ♦ Kebebasan Autonomi
- ♦ Pendidikan, Latihan dan Maklumat
- ♦ Bekerjasama Di Antara Koperasi - Koperasi
- ♦ Prihatin Terhadap Masyarakat

### Visi

Memperkasakan pembangunan KOPERKASA

### Misi

Menyediakan pengurusan dan perkhidmatan yang efisien ke arah kemajuan yang berterusan sejajar dengan Dasar Ekonomi Negara

### Moto

Kesetiaan Anggota, Keteguhan Koperasi

### Objektif Penubuhan

Objektif utama koperasi ini adalah untuk menyediakan fasiliti kewangan kepada anggota untuk mengatasi masalah kewangan, meningkatkan taraf pembangunan sosioekonomi dan yang paling utama adalah menggalakkan amalan menyimpan.

### Prestasi KOPERKASA

PERKARA	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Modal Syer	34,685,074	41,064,700	45,300,120
Modal Yuran Bulanan	70,383,153	71,054,036	71,928,597
Aset	245,791,876	250,019,188	254,079,992
Keuntungan	10,192,975	8,852,377	8,188,943

DIVIDEN / PULANGAN	2019	2020	2021
Modal Syer	7.00%	6.00%	5.50%
Modal Yuran Bulanan	4.15%	4.00%	3.50%
Simpanan Peribadi	1.50%	1.75%	1.75%
Jumlah	12.65%	11.75%	10.75%

### Anugerah & Pengiktirafan

2018	Tempat Ke-16 Senarai 100 Koperasi Terbaik Di Malaysia
2019	Tempat Ke-16 Senarai 100 Koperasi Terbaik Di Malaysia
2020	Tempat Ke-12 Senarai 100 Koperasi Terbaik Di Malaysia Anugerah Koperasi Terbaik Peringkat Negeri Sarawak
2021	Tempat Ke-17 Senarai 100 Koperasi Terbaik Di Malaysia
2022	Anugerah Koperasi Terbaik Peringkat Negeri Sarawak

# ▶ KEANGGOTAAN BAHARU ◀

## Soalan Lazim

### 1. Bagaimanakah boleh saya menjadi anggota Koperkasa?

- ◇ Mengisi borang permohonan keanggotaan Koperkasa dan disertakan bayaran fi masuk sebanyak RM20.00
- ◇ Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula akan dikenakan fi masuk sebanyak RM30.00
- ◇ Memiliki syer wajib sebanyak 1 unit bernilai RM100.00



### 2. Apakah syarat-syarat menjadi anggota Koperkasa?

Keanggotaan Koperkasa terbuka kepada pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dengan:

- ◇ Kerajaan Sarawak atau
- ◇ Kerajaan Persekutuan Malaysia atau
- ◇ Pihak Berkuasa tempatan atau
- ◇ Badan Berkanun atau mana-mana Jabatan Kerajaan /pihak Berkuasa atau
- ◇ Badan tersebut di atas diswastakan kemudian kelak atau
- ◇ Anak Syarikat kepada Badan-badan Berkanun atau Koperasi

#### Syarat Keanggotaan

- ◇ Bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah di dalam kawasan operasi Koperasi ini
- ◇ Bebas dari kesalahan boleh daftar
- ◇ Berkeupayaan dari segi mental
- ◇ Tidak bankrap
- ◇ Atau tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana Koperasi dalam tempoh 1 tahun

#### Dokumen yang perlu disertakan bersama dengan Borang Permohonan Keanggotaan

- ◇ Satu salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan oleh majikan
- ◇ Satu salinan slip gaji terkini yang telah disahkan oleh majikan
- ◇ Mengisi dengan lengkap Borang Biro Angkasa BPA 1/79 bagi pemohon yang menggunakan potongan gaji melalui Biro Angkasa
- ◇ Mengisi dengan lengkap Borang *For Payment of Allotment—Local (T.228)* bagi pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Sarawak
- ◇ Surat Pengesahan Majikan menggunakan *letterhead* jabatan
- ◇ Borang kebenaran untuk menyemak rekod CTOS (*Consent Authorisation*)

### 3. Apakah jenis potongan yang akan dipotong melalui gaji anggota?

- ◇ Modal Yuran Bulanan sebanyak RM35.00 minimum sebulan (simpanan wajib)
- ◇ Simpanan Peribadi sebanyak RM20.00 minimum sebulan (pilihan/tidak wajib)
- ◇ Bayaran ansuran Modal Syer wajib sebanyak RM20.00 sebulan untuk tempoh selama lima (5) bulan sahaja bagi satu unit syer
- ◇ Bayaran insuran kelompok (jika ada)

## Soalan Lazim

### 4. Apakah manfaat yang diperolehi apabila menjadi anggota Koperasi?

#### ◇ Sumbangan Kebajikan

JENIS SUMBANGAN	JUMLAH SUMBANGAN
Khairat Kematian:- - Kematian anggota - Kematian keluarga terdekat	RM2,000 (dibayar kepada waris) RM300 (dibayar kepada setiap anggota daripada keluarga terdekat)
Bantuan Malapetaka	RM1,500 (maksimum)
- Alat sokongan perubatan - Subsidi kos perubatan - Dimasukkan ke hospital (kecuali wanita bersalin)	RM1,500 (maksimum) RM1,500 (maksimum) RM30 / hari (tidak melebihi 14 hari dalam 1 tahun)



#### ◇ Insentif Persaraan, Pendidikan & 20 Tahun Keanggotaan

JENIS INSENTIF	JUMLAH INSENTIF
Persaraan wajib dari perkhidmatan: - Keanggotaan melebihi 10 tahun - Keanggotaan melebihi 15 tahun - Keanggotaan melebihi 20 tahun	RM500 RM1,000 RM2,000
20 tahun keanggotaan	3 unit syer bernilai RM300
Hadiah galakan pendidikan:- - SPM (anak anggota) - SPM (anggota sendiri)	RM200 RM300



◇ Memperolehi dividen atas pelaburan setiap tahun tertakluk kepada keuntungan



◇ Kemudahan pembiayaan Koperasi yang menarik tanpa penjamin

### 5. Bolehkah anggota baharu memohon pembiayaan ?

- ◇ Ya. Anggota baharu boleh memohon pembiayaan walaupun potongan Modal Yuran Bulanan dan ansuran modal syer belum dilaksanakan dalam slip gaji.
- ◇ Bayaran Modal Yuran Bulanan untuk enam (6) bulan akan ditolak terus daripada pembiayaan yang dilulus bagi mematuhi Undang-Undang Kecil Koperasi (UUK) 61(1) dan Aturan-Aturan Pembiayaan.
- ◇ Bayaran Modal Syer sebanyak RM100.00 akan ditolak terus daripada pembiayaan yang dilulus bagi mematuhi Undang-Undang Kecil Koperasi (UUK) 60(1).